

02/03/2001

Perpaduan Melayu: Pas wajar utamakan bangsa

Jamhariah Jaafar

SEPERTI dijangka, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, menghadapi pelbagai tekanan untuk merealisasikan hasrat duduk semeja bersama pemimpin Umno.

Beliau bukan saja menghadapi tekanan daripada kumpulan ekstremis di dalam parti, bahkan terpaksa tunduk kepada desakan pakatan parti pembangkang yang berasa terpinggir daripada gelombang politik Melayu yang sedang berlaku.

Perbincangan yang dijadualkan 19 Februari lalu, tetapi ditangguhkan atas keputusan Pas, nampaknya semakin sukar dijadikan kenyataan, kerana parti pembangkang yang lain turut campur tangan dan mendesak Pas supaya membabitkan mereka dalam muzakarah dengan Umno.

Mesyuarat pakatan pembangkang baru-baru ini, antara lain menyaksikan Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Dr Chandra Muzaffar, tanpa malu-malu turut membuat tuntutan supaya pertemuan ialah di antara barisan alternatif dan Barisan Nasional (BN) demi perpaduan nasional keseluruhannya.

Jelas, Keadilan kini berada dalam keadaan seperti 'hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong'. Sudahlah jemputan awal Umno untuk membabitkan parti itu dalam muzakarah sesama parti Melayu ditolak mentah-mentah, dengan turut membuat pengumuman bahawa Keadilan bukan parti Melayu, kini mereka pula yang mahu duduk semeja dengan Umno.

Jemputan awal Umno kepada Pas dan Keadilan dibuat atas keinsafan bahawa kemelut yang melanda bangsa Melayu sekarang perlu ditangani secepat mungkin, dengan mengetepikan seketika ideologi politik.

Namun, bangsa Melayu ternyata terkejut dengan tindakan Keadilan yang mengumumkan bahawa ia bukan sebuah parti Melayu.

Justeru, agak membingungkan sekarang mengapa muzakarah yang sepatutnya berlangsung hanya di antara Umno dan Pas untuk menyatupadukan orang Melayu yang kini dilihat semakin teruk berpecah, turut 'dikacau' oleh parti bukan Melayu dalam kerabat pembangkang.

Fadzil ternyata menghadapi tekanan serius daripada pelbagai pihak, termasuk golongan ekstremis muda Pas serta suara-suara lantang pemimpin parti bukan Melayu dalam barisan alternatif yang kelihatan begitu bimbang dengan cadangan Presiden Pas itu untuk duduk semeja dengan Umno.

Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Dr Hatta Ramli, dalam laman web Harakahdaily, menulis dengan begitu sinis sejak tertanggungnya apa yang dipanggilnya 'pertemuan perpaduan nasional'.

"Reaksi Umno dan penyokongnya seperti orang diserang histeria... mereka terjerit-jerit mengeluh kecewa dan ada yang menangis agaknya," demikian antara coretannya.

Begitulah agaknya persepsi kebanyakan pemimpin muda Pas lain dalam melihat usaha kepemimpinan tertinggi Umno dan Pas untuk menyatupadukan kembali orang Melayu. Begitu sinis, sombong dan angkuh.

Ramai pembaca akhbar ini, terutama yang menyokong pembangkang, mempertikaikan rencana akhbar ini bertajuk 'Perpaduan Melayu: Siapa Lebih Ikhlas' bertarikh 21 Februari lalu yang mempersoalkan parti mana yang lebih ikhlas dalam usaha mengadakan pertemuan antara dua parti Melayu itu.

Dalam keadaan sekarang - yang mana kedudukan bangsa Melayu terancam - sebenarnya kita tidak boleh lagi terus meletakkan ideologi politik sebagai satu keutamaan.

Kita harus kembali kepada kedudukan bangsa itu sendiri dan apa yang perlu dilakukan bagi memastikan ketuanan Melayu tidak lenyap di bumi

sendiri, angkara sengketa sesama sendiri.

Kerana itu, kita perlu kembali kepada adat dan budaya nenek moyang kita, dengan sebarang sengketa dan rasa tidak puas hati boleh diselesaikan secara muzakarah. Cara itu juga dituntut oleh Islam.

Apa yang berlaku sekarang lebih kepada permasalahan politik atau lebih tepat kepada permainan politik yang dilakukan oleh kedua-dua parti berkenaan.

Sasaran persoalan memang dituju kepada Pas kerana mereka yang menyukarkan laluan kepada pertemuan itu sekarang.

Prasyarat yang dikenakan adalah tidak wajar dan boleh dianggap 'kurang ajar' kerana semua tuntutan itu sudah pasti akan dikaji dengan teliti oleh Umno sebagai parti utama dalam kerajaan, sekiranya ia dibentangkan dengan baik dan bijak ketika muzakarah diadakan.

Perkara yang perlu dibetulkan sekarang ialah persepsi bangsa Melayu itu sendiri, terutama yang tidak terbabit dalam permainan politik partisan kerana mereka sudah tentu tertanya-tanya apa sebenarnya yang berlaku dan mengapa sejak kebelakangan ini dilanda kebimbangan yang tidak menentu.

Apa yang berlaku sekarang sebenarnya dicitus oleh politikus yang kebanyakannya mempunyai agenda tersendiri.

Malangnya, rakyat kebanyakan yang tidak tahu pucuk pangkal terpengaruh sehingga menjadikan ikatan perpaduan yang selama ini tegap dan kejam, menjadi begitu longgar dan longlai.

Sebagai generasi muda, yang juga bapa serta ibu kepada pewaris kepemimpinan Melayu masa depan, sudah tentu kita tidak mahu melihat bangsa kita menjadi berantakan semata-mata kerana ingin mengikut hawa nafsu pemimpin politik yang terang-terang mempunyai agenda tersendiri.

Lihat mesej yang dilaungkan oleh lidah pembangkang, baik akhbar mahupun laman webnya, yang terus menggunakan konsep 'kuasa rakyat' bagi melumpuhkan pemerintahan BN di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tragedi perhimpunan 100,000 rakyat di Belgrade yang menjatuhkan Slobodan Milosevic, kemudian beralih kepada demonstrasi besar-besaran di Manila yang turut berjaya menggulingkan Presiden Joseph Estrada, dan pelbagai kejadian rusuhan dan demonstrasi di sekitar Jakarta mendesak Presiden Gus Dur, meletak jawatan, dijadikan contoh oleh pembangkang untuk menyemarakkan semangat rakyat Malaysia berbuat perkara yang sama.

Pelbagai kelemahan dalam kerajaan diperbesarkan dan segala yang dilakukan kerajaan ada saja silapnya.

Kemakmuran dan kesenangan hidup yang dihidangkan kerajaan langsung tidak dihargai, sebaliknya dikritik teruk - seolah-olah pemerintahan Umno, terutama dalam tempoh 20 tahun terakhir ini, langsung tidak membawa manfaat kepada rakyat, terutama bangsa Melayu, sebaliknya hanya memperkayakan segelintir orang.

Justeru, persoalan kuasa rakyat ini perlu dikembalikan kepada rakyat Malaysia, terutama bangsa Melayu.

Apakah kita juga ingin mengadakan desakan yang sama? Adakah kita sekarang hidup menderita dan tertindas di bawah pemerintahan BN? Adakah kita tidak mempunyai pekerjaan dan tidak dapat cukup makanan, pakaian dan tiada tempat tinggal sehingga merempat di tepi jalan?

Atau adakah rakyat Malaysia hari ini hidup dalam ketakutan dan kebimbangan kerana akan ada kuasa kuku besi menyumbat mereka ke dalam penjara semata-mata kerana menyuarakan perasaan tidak puas hati kepada kerajaan?

Jika jawapan kepada soalan di atas ialah 'tidak', maka satu lagi persoalan harus dikemukakan kepada rakyat Malaysia, terutama bangsa Melayu, apa sebenarnya yang mereka tidak puas hati terhadap pemerintahan BN sekarang?

Kerana itu, semua pihak perlu melihat masalah perpaduan Melayu sekarang daripada sudut yang lebih jelas dan mantap, bukan dari sudut parti, tetapi dari sudut bangsa Melayu itu sendiri.

Secara umum, anak Melayu kini terheret ke dalam kemelut perpaduan bangsa disebabkan pengaruh dan persepsi yang diterima daripada pelbagai parti politik.

Sebagai pembangkang, sudah tentu mereka tidak mempunyai masalah untuk mencari pelbagai kesilapan Umno, terutama BN, sepanjang pemerintahan selama lebih 43 tahun.

BN atau secara khususnya Umno, memang mengakui hakikat bahawa mereka memerlukan pembangkang yang boleh memastikan kerajaan yang dipilih rakyat melakukan tugas dan tanggungjawab yang dibebankan ke atas mereka.

Mereka mengakui hakikat betapa perlu kehadiran check and balance dalam melaksanakan tugas dengan bersih, cekap dan amanah.

Bagaimanapun, pembangkang yang disegani ialah mereka yang ikhlas dan menegur kerajaan dengan cara terhormat, bukan dengan cara yang boleh memusnahkan segala keamanan dan kemakmuran yang wujud hari ini.

Sekiranya pembangkang berasakan mereka mampu untuk menguruskan negara ini dengan lebih baik, apa yang mereka perlukan ialah sokongan padu rakyat pada pilihan raya umum 2004.

Pada masa ini, BN, khususnya Umno, sudah memenangi pilihan raya umum lalu dan terus diberi mandat untuk memerintah Malaysia bagi tempoh tiga atau empat tahun akan datang. Kerana itu, semua pihak perlu menghormati keputusan yang dibuat rakyat.

Kini terpulang kepada bangsa Melayu untuk membuat pertimbangan yang waras. Adakah mereka sanggup menggadaikan keamanan dan kemakmuran yang dikecapi selama ini, semata-mata kerana terpengaruh dengan agenda parti politik yang mempunyai kepentingan peribadi?

Demi bangsa Melayu, Umno dan Pas perlu duduk semeja bagi meleraikan kekusutan dan meredakan kebimbangan yang mereka cetuskan.

(END)